

Kemuka rayuan akhir

KUALA LUMPUR — Persekutuan-persekutuan silat Malaysia dan Indonesia akan membuat percubaan terakhir untuk memasukkan olahraga silat dalam Sukan SEA XVI di Manila dengan merayu kepada Majlis Persekutuan Sukan SEA (SGF), yang akan bermesyuarat di ibu negara Filipina pada 2 Ogos.

29 JUL 1991
Setiausaha Persekutuan Silat Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, berkata beliau berharap presiden Pesaka, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, akan dapat memimpin rombongan

Malaysia.

Katanya, Indonesia akan diwakili oleh Oyong Karma-yudha, setiausaha agung Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).

"Saya menerima fax semalam daripada presiden Persilat, Eddie Nalapraya, mengenai perkara itu. Kita berharap dapat menghadiri mesyuarat itu dan mengemukakan kes kita," kata Rahman lagi.

Silat menjadi sukan bermedal dalamsukan dwi-tahunan pada 1987 di Jakarta dan Kuala Lumpur 1989, tetapi digugurkan oleh Filipina

yang menetapkan sejumlah 26 sukan bagi kejohanan itu yang berlangsung dari 24 November hingga 5 Disember.

Rahman berkata, silat dapat menarik penyertaan bukan sahaja dari Malaysia dan Indonesia, tetapi juga dari Singapura, Brunei, Thailand dan negara tuan rumah sendiri jika sukan itu diadakan.

Katanya rayuan telah dibuat sebelum ini kepada Jawatankuasa Olimpik Filipina dan Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA, tetapi keputusan muktamad terletak pada Majlis SGF. — Bernama.

SUKAN SEA

Silat tidak ditanding dalam sukan di Manila

PENCAK silat dengan rasmi digugurkan dari Sukan SEA XVI Manila mulai 24 November hingga 5 Disember ini.

Ini telah dinyatakan oleh Gabenor Jose Sering, presiden Jawatankuasa Olimpik Filipina (POC), yang berada di Singapura pada hujung minggu.

Menurut Gabenor Sering, mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA di Manila pada Sabtu lalu, telah memutuskan bahawa mereka tidak dapat menyertakan acara pencak silat dalam Sukan SEA kali ini.

"Tambahkan pula Filipina hanya menubuhkan persatuan pencak silat baru-baru ini," katanya ringkas.

Ketika diminta mengulas lebih lanjut tentang penolakan acara pencak silat, Gabenor Sering menegaskan:

"Kami tidak mempunyai bajet tambahan untuk acara pencak silat di sukan ini."

Kata Gabenor Sering: "Kami tidak mampu untuk menambah acara yang telah kami putuskan itu."

Sehubungan dengan itu, menurut Gabenor Sering, pihaknya telah memutuskan untuk menyertakan acara wushu, seni pertahanan Cina dalam Sukan SEA ini.

Sebanyak 27 acara akan ditandingkan di Manila dalam sukan hujung tahun ini itu.

Acara-acara yang akan ditandingkan: Angkat berat (bina badan), atletik, badminton, biliard, bola lisut, bola keranjang, bolasepak, bola tempur, bowling, golf, gimnastik, judo, karate, lawan pedang, lumba basikal, memanah, menembak, renang (terjun indah, polo air), sepaktakraw, squash, sukan laut (lumba kolek tradisi, sekoci, kapal layar), tae-kwondo, tenis, tenis meja, tinju, wushu dan arnis (sukan demonstrasi).

Persekutuan Pencak Silat Malaysia dan Indonesia, gagal mempengaruhi Filipina agar menyertai pencak silat pada saat-saat akhir.

B a g a i m a n a p u n , Mohammed Hassan atau lebih dikenali dengan panggilan 'Bob Hassan', presiden Persatuan Atletik Seluruh Indonesia (PASI), yang hadir dalam mesyuarat tersebut menyatakan pencak silat akan menjadi acara demonstrasi. Tidak ada butir-butir lanjut dijelaskan.

Namun beliau tidak dapat melindungi kecewanya dengan kegagalan pencak silat di sertakan dalam sukan itu.

"Mereka mempunyai alasan yang kukuh untuk tidak menyenaraikan acara pencak silat dalam sukan ini," kata Mohammed. —

MOHD SANI ALI.